

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

### Usul lulus sebulat suara, tambahan RM15 bilion

## Usul lulus sebulat suara, tambahan RM15 bilion

**KUALA LUMPUR** - Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang melibatkan penambahan siling sebanyak RM15 bilion, diluluskan sebulat suara di Dewan Rakyat melalui undian suara pada Selasa.

Kelulusan itu menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan ialah sebanyak RM415 bilion.

RMK12 yang diluluskan di Parlimen pada 21 Oktober 2021 merangkumi tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan.

Pada Isnin lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membentangkan KSP RMK12 dengan menyatakan kerajaan akan membelanjakan sepenuhnya peruntukan RM400 bilion di bawah RMK12 dan menambah siling sebanyak RM15 bilion.

Peningkatan itu bagi menambah keperluan untuk membiayai bidang keutamaan rakyat di samping memperbaiki mutu pengurusan dan menyasarkan semula subsidi untuk menampung keperluan asas rakyat.

Anwar berkata, anjakan baharu bermula dengan menoktahkan kemiskinan tegar, menyelesaikan masalah asas prasarana dan keperluan asas rakyat termasuk memperbaiki sekolah dan klinik daif, menjamin bekalan air bersih serta meneraju ekonomi Islam.

Seramai 151 ahli Dewan Rakyat menyertai perbahasan usul KSP RMK12, mewakili kementerian-kementerian terlibat selama lima hari sehingga sesi penggulungan oleh Anwar pada Selasa.